

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BH – Bisnes – Isnin, 15 September 2014 (C)

Syor naikkan kos audit dalaman



**RITA BENOY
BUSHON**

» Langkah dapat kurangkan penyelewengan, penipuan dalam syarikat

Fungsi audit dalaman dalam syarikat tersenarai awam adalah satu aspek tadbir urus korporat yang saya ingin menetengahkan kerana ia adalah amat penting dan wajar diberi penekanan.

Dalam pemantauan syarikat awam, kami dapati kos audit dalaman adalah rendah jika dibandingkan dengan yuran audit luar serta saiz dan kerumitan operasi.

Kami berpandangan kos audit dalaman adalah petunjuk bagaimana lembaga syarikat tersenarai mengambil penting terhadap fungsi audit dalaman ini.

Statistik yang dianalisis daripada Laporan MSWG-Malaysia ASEAN CG 2013 menunjukkan tidak banyak penekanan diberikan kepada fungsi ini, terutama di dalam syarikat bermodal kecil dan sederhana.

Hanya syarikat dalam sektor kewangan mempunyai kos setimpal, malah secara purata melebihi 300 peratus berbanding yuran audit luaran. Sektor perladangan, dagangan/perkhidmatan dan barangan pengguna pula adalah sedikit melebihi 100 peratus.

“
Dalam pemantauan syarikat awam, kami dapati kos audit dalaman adalah rendah jika dibandingkan dengan yuran audit luar serta saiz dan kerumitan operasi”

Sektor selainnya mempunyai kos audit dalaman yang rendah berbanding yuran audit luar dan ada di antaranya kurang RM3,000 sebulan secara purata.

Tingkat standard

Bagaimanakah sebuah syarikat boleh melaksanakan tugas audit dengan sempurna, sekiranya kosnya serendah ini?

Adakah lembaga syarikat berkenaan mengabaikan tugas penting ini dan seterusnya menyetepikan tanggungjawab usus tadbir korpo-

rat mereka?

Kami menggunakan yuran audit luar sebagai penanda aras memandangkan ia boleh diukur dan yuran yang dikenakan selalunya adalah berkait rapat dengan saiz serta kerumitan operasi.

Justeru, kami mempunyai pandangan bahawa kos audit dalaman patut dinaikkan supaya sekurang-kurangnya setimpal dan melebihi yuran audit luar, malah sepatutnya mengambil kira saiz operasi syarikat serta kerumitannya.

Ini bukan sahaja akan meningkatkan standard audit dalaman, malah akan dapat menarik sumber manusia yang lebih baik dan lebih berpengalaman ke dalam industri terbabit, seterusnya mengukuhkan fungsi audit dalaman.

Ini juga dijangka boleh mengurangkan kejadian penyelewengan dan penipuan di dalam syarikat.

Harga rokok

Dalam hal yang berasingan, keputusan British American Tobacco (BAT) untuk meningkatkan harga semua rokok keluarannya minggu

ini memberi petunjuk bahawa tekanan kos semakin meningkat.

Kenyataan rasmi BAT jelas menggambarkan hal ini: “Keadaan persekitaran operasi adalah sangat mencabar dengan kos untuk menghasilkan dan mengedarkan setiap batang rokok semakin meningkat akibat tekanan kos serta inflasi.”

Situasi kerugian yang dialami oleh BAT yang disebabkan oleh penjualan rokok secara haram yang masih berterusan, meskipun pelbagai usaha telah diambil untuk mengatasinya adalah membimbangkan.

Kegiatan haram terbabit boleh ‘merampas’ perolehan dan mencemarkkan reputasi negara serta menyebabkan pengherotan harga pasaran. Situasi ini perlu dibendung.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada semua pembaca ‘Selamat Hari Malaysia’ esok.

**Penulis ialah
Ketua Eksekutif**

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)